

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK ANAK
KUMBONG [HULU RAJANG]**

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya Kementerian bercadang untuk membekalkan menara telekomunikasi di Rh. Melintang, Sg Gaat, Rh Mengga Sepulau Gaat/ Sk. Nanga Balang Sg. Gaat, Punan Biau/ Punan Sama Belaga, Nanga Merirai Baleh Kapit dan Sk Nanga Kain Baleh Kapit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
2. Oleh yang demikian, kawasan-kawasan yang tiada atau kurang liputan termasuk Rh. Melintang, Sg Gaat, Rh Mengga Sepulau Gaat/ Sk. Nanga Balang Sg. Gaat, Punan Biau/ Punan Sama Belaga, Nanga Merirai Baleh Kapit dan Sk Nanga Kain Baleh Kapit akan dimasukkan untuk perancangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam masa terdekat (2021 – 2022).
3. Pihak Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan-kawasan berpenduduk melalui percubaan pelbagai teknologi yang baharu untuk mendapatkan satu penyelesaian yang paling efektif supaya perkhidmatan dapat disediakan bagi jangka masa yang panjang.
4. Walau bagaimanapun, usaha bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bukan sahaja melibatkan kerajaan persekutuan malah memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memudahkan proses-proses perolehan dan kelulusan tapak yang terlibat.
5. Selanjutnya, SKMM akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri iaitu Sarawak Multimedia Authority (SMA) bagi menambahbaik liputan dan kualiti jalur lebar di Sarawak. Semasa sesi kunjung hormat saya kepada YAB Ketua Menteri Sarawak pada 10 Julai yang lalu, beberapa persetujuan penting telah dicapai antara lain adalah mengeratkan kerjasama bersama pihak SMA dari segi perancangan dan memudahkan proses kelulusan pembinaan untuk mempercepatkan pembinaan infrastruktur digital. Penambahbaikan liputan jalur lebar

SOALAN NO : 11

melalui Makmal Infrastruktur Digital Negara juga akan turut dihadiri oleh pegawai kanan SMA untuk menangani keperluan di Negeri Sarawak.

6. Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan-kawasan berpenduduk melalui percubaan pelbagai teknologi yang baharu dan menaiktaraf teknologi 3G kepada 4G di stesen pemancar sedia ada untuk mendapatkan satu penyelesaian yang paling efektif supaya perkhidmatan dapat disediakan secara lebih cepat kepada penduduk setempat.

7. Pada masa yang sama, Kementerian sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri melalui Makmal Infrastruktur Digital Negara (Makmal) yang bermula dari 13 Julai sehingga 14 Ogos 2020 yang diterajui oleh SKMM untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara bagi memastikan semua kawasan yang berpenduduk mendapat liputan yang secukupnya.